



جابتن كواغن دان قربنداها راعن نغري

JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI

Aras 2, 3 & 4, Blok Bentara

Kompleks Seri Negeri

Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh

75450 MELAKA

Tel. (ONCC) : 06-333 3333

Faks : 06-231 6489

Laman Web : jkpnm.melaka.gov.my

Rujukan kami : PNM(KPS) 125. jld2 (8)

Tarikh : 1 Ogos 2016

Semua Ketua Jabatan / Pusat Tanggungjawab

Negeri Melaka

(Seperti Senarai Edaran)

YB Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI BIL.9 TAHUN 2016
PINDAAN KADAR CARUMAN PERKESO BAGI KAKITANGAN KONTRAK**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah membuat pindaan ke atas had siling gaji yang diinsuranskan dari RM3,000 kepada RM4,000 sebulan. Notis Pilihan tidak lagi terpakai mulai dari tarikh kuatkuasa pindaan ini.

3. Sehubungan dengan itu, bagi pekerja yang belum pernah mencarum dengan PERKESO, sila sempurnakan Borang 2 (Borang Pendaftaran Pekerja) dan kemukakannya kepada pejabat PERKESO terdekat.

4. Arahan Operasi ini berkuatkuasa pada tarikh surat ini dikeluarkan. Bersama-sama ini disertakan surat dari PERKESO untuk rujukan pihak tuan.

Sekian, terima kasih.

"MELAKA MAJU NEGERIKU SAYANG, FASA II"

"BERKAT, TEPAT, CEPAT"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


Saya yang menurut perintah,

(JAFRIL BIN JUNIT)

Bendahari Negeri,

MELAKA





(074 - 355612)

JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI
 MELAKA
 ARAS 4 BLOK BENTARA
 SERI NEGERI
 75450 Ayer Keroh
 Melaka
 Malaysia

KEPADA SEMUA MAJIKAN BERDAFTAR:

PENGUMUMAN

PINDAAN TERHADAP AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA, 1969

Dimaklumkan bahawa mulai 1 Jun, 2016, Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 telah dipinda seperti berikut:-

1. Meningkatkan had siling gaji yang diinsuranskan dari **RM3,000.00 sebulan kepada RM4,000.00 sebulan bersama had kadar caruman**; dan
2. Semua pekerja yang diambil bekerja di bawah suatu kontrak perkhidmatan atau kontrak perantisan hendaklah didaftar dan dicarum dengan PERKESO dan kadar caruman maksima adalah berdasarkan gaji RM4,000.00 sebulan. Notis Pilihan tidak lagi terpakai mulai dari tarikh kuatkuasa pindaan ini.
3. Bagi pekerja yang belum pernah berdaftar dan mencarum dengan PERKESO, sila sempurnakan Borang 2 (Borang Pendaftaran Pekerja) dan kemukakannya kepada Pejabat PERKESO terdekat.
4. Bagi majikan yang menggunakan perisian "Sistem Caruman Bulanan Menggunakan Disket", sila muat-turun sistem itu semula yang mengandungi jadual caruman baru dari Laman Sesawang PERKESO.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi Pegawai Pengurusan Perhubungan Pelanggan kami di talian 1 300 22 8000 atau layari laman sesawang www.perkeso.gov.my atau hadir ke pejabat PERKESO yang berhampiran.

Sekian, terima kasih.

Ketua Eksekutif
Pertubuhan Keselamatan Sosial
 Tarikh: 30 Mei, 2016

*Ada pegawai JKPRM 1999
 19/7/16*

JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA
 (PEJABAT PELAWAI KEWANGAN NEGERI)

| | |
|-----------------------------------|-------------------------------------|
| <input type="checkbox"/> TPWN | <input type="checkbox"/> KPBN |
| <input type="checkbox"/> BEN | <input type="checkbox"/> A (AP) |
| <input type="checkbox"/> KPP (BP) | <input type="checkbox"/> PTA (W) |
| <input type="checkbox"/> KPP (AP) | <input type="checkbox"/> PTA (BP) |
| <input type="checkbox"/> PP (KP) | <input type="checkbox"/> PTA (A) |
| <input type="checkbox"/> PP (PA) | <input type="checkbox"/> P.A. |
| <input type="checkbox"/> PP (H) | <input type="checkbox"/> Lain-lain: |
| <input type="checkbox"/> PTM | |

Surat Janaan Komputer, Dianggap Telah Ditandatangani

*PTA(W)
 rpr(w)
 19/7/16
 Hadkan awang yang
 jika caruman staff
 kontrak & terlibat. Angk.*



PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL

MENARA PERKESO
281, JALAN AMPANG
50538 KUALA LUMPUR
HOTLINE: 1300-22-8000

PEKELILING MAJIKAN NO. 1 TAHUN 2016 AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA, 1969

**KEWAJIPAN MENDAFTARKAN SEMUA PEKERJA DENGAN PERKESO TANPA
MENGIRA JUMLAH GAJI YANG DITERIMA OLEH PEKERJA DAN
PENINGKATAN HAD GAJI MAKSIMUM YANG DICARUMKAN DARIPADA
RM3,000.00 KEPADA RM4,000.00 SEBULAN**

1. PENDAHULUAN

Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2016 telah diwartakan pada 23 Mei, 2016 dan berkuatkuasa mulai **1 Jun 2016**. Di antara pindaan yang akan dilaksanakan adalah:-

- 1.1 meningkatkan siling gaji dari RM3,000.00 sebulan kepada RM4,000.00 sebulan; dan
- 1.2 memperluaskan liputan Perlindungan Keselamatan Sosial PERKESO kepada semua pekerja yang berkerja di bawah satu kontrak perkhidmatan tertakluk kepada siling caruman berasaskan gaji bulanan pekerja yang dilindungi sebanyak RM4,000.00 dengan memansuhkan keperluan notis pilihan.

2. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memberi penjelasan kepada majikan mengenai pindaan tersebut dan tarikh kuatkuasanya.

3. PENJELASAN

Penjelasan itu adalah seperti berikut:-

3.1 Liputan

Sebelum **1 Jun 2016**, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 meliputi pekerja-pekerja yang diambil bekerja di bawah suatu kontrak perkhidmatan atau kontrak perantisan yang bergaji RM3,000/- atau kurang sebulan tertakluk kepada prinsip 'sekali-layak-terus-layak'.

Dengan pindaan ini, mulai **1 Jun 2016**, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969:-

- (i) Prinsip Sekali-layak-terus-layak dan Notis Pilihan dibatalkan. Dengan kata lain, semua pekerja yang diambil berkerja di bawah satu kontrak perkhidmatan atau perantisan hendaklah didaftar dan dicarum kepada PERKESO tertakluk kepada gaji bulanan RM4,000.00 sebulan.

DAN

- (ii) semua pekerja-pekerja yang diambil bekerja di bawah suatu kontrak perkhidmatan atau kontrak perantisan dengan gaji RM4,000.00 sebulan, hendaklah didaftar dan dicarum dengan PERKESO. Bagi mereka yang tidak pernah diliputi di bawah PERKESO, majikan hendaklah mengisi Borang 2 (Borang Pendaftaran Pekerja) dan menghantar borang itu ke Pejabat

Pengarah Negeri atau Pengurus Pejabat, Pertubuhan Keselamatan Sosial yang berkenaan.

3.2 Kelayakan Di Bawah Skim Perlindungan PERKESO

Bagi pekerja yang sedang berkhidmat, majikan hendaklah meneruskan caruman terhadap **Skim Insurans Bencana Pekerjaan** atau **Skim Insurans Bencana Pekerjaan dan Skim Pencen Ilat (Jenis Pertama)**. Bagaimanapun, pekerja berikut dikecualikan dari liputan di bawah Skim Pencen Ilat:-

- (a) seseorang pekerja yang telah mencapai **umur 55 tahun semasa didaftar dan tidak pernah mencarum kepada PERKESO;**
- (b) seseorang pekerja yang telah **mencapai umur 60 tahun mulai 1 Jun, 2016;** Pekerja sedemikian layak dicarum di bawah Skim Insurans Bencana Pekerjaan (**Jenis Kedua – Lampiran A**) jika masih lagi berkerja; dan
- (c) penerima **pencen ilat.**

Memandangkan kepada hal-hal tersebut di atas, Jadual di Lampiran A hendaklah sentiasa dirujuk untuk memastikan bahawa caruman jenis yang betul dibayar. Boleh diperhatikan dari Jadual itu bahawa:-

- (a) Caruman **JENIS PERTAMA** hendaklah dibayar bagi seseorang pekerja yang layak untuk diliputi di bawah kedua-dua skim iaitu **Skim Insurans Bencana Pekerjaan dan Skim Pencen Ilat.**

- (b) Caruman **JENIS KEDUA** hendaklah dibayar bagi seseorang pekerja yang layak untuk diliputi di bawah **Skim Insurans Bencana Pekerjaan** sahaja.

3.3 Caruman

Berikutan kenaikan siling caruman berasaskan gaji bulanan pekerja yang diinsuranskan dari RM3,000.00 kepada RM4000.00 itu, kumpulan-kumpulan gaji bagi tujuan bayaran caruman telah ditambah daripada **34 kumpulan gaji** kepada **45 kumpulan gaji**. Sila rujuk **LAMPIRAN A** bagi kadar caruman tambahan itu.

Ini bermakna, caruman bagi gaji bulan **Jun 2016** (yang mana kena dibayar selewat-lewatnya pada **15 Julai 2016**) pekerja yang bergaji lebih daripada RM3000.00 sebulan, kadar carumannya hendaklah diselaraskan mengikut kadar caruman tambahan itu.

Contoh


- (a) Sekiranya seseorang pekerja layak mencarum di bawah Skim Insurans Bencana Pekerjaan dan Skim Pencen Ilat sebelum **1 Jun 2016**, dan gajinya bagi bulan **Jun 2016** ialah RM2970.00, maka caruman yang kena dibayar untuknya bagi bulan **Jun 2016** ialah **RM66.40** (Jenis Pertama). Jika gajinya melebihi RM4000.00 sebulan, jumlah caruman yang kena dibayar untuknya ialah **RM88.80**.
- (b) Sekiranya seseorang pekerja layak mencarum di bawah Skim Insurans Bencana Pekerjaan sahaja sebelum **1hb Jun 2016**, dan gajinya bagi bulan **Jun 2016** ialah RM2970.00, caruman yang kena dibayar untuknya bagi bulan **Jun 2016** ialah **RM36.90** (Jenis Kedua). Jika gajinya melebihi RM4000.00 sebulan, jumlah caruman yang kena dibayar untuknya ialah **RM49.40**.

4. PERTANYAAN

Jika majikan berkehendakkan apa-apa penjelasan berhubung dengan pekeliling ini, sila hubungi Pegawai Pengurusan Perhubungan Pelanggan kami di talian **1-300-22-8000** atau layari laman sesawang kami di www.perkeso.gov.my atau hadir ke pejabat PERKESO yang berhampiran jika ada sebarang pertanyaan.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,



(DATO' DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED)

Ketua Eksekutif

Pertubuhan Keselamatan Sosial

30 Mei, 2016

sk: Fail PKS/PBC(C)/208/335/1/0

KEPADA SEMUA MAJIKAN BERDAFTAR.

LAMPIRAN A

| BIL. | GAJI BULANAN | (JENIS PERTAMA) | | | (JENIS KEDUA) BENCANA PEKERJAAN SAHAJA |
|------|---|----------------------------|-----------------|-------------------|---|
| | | BENCANA PEKERJAAN DAN ILAT | | | |
| | | SYER MAJIKAN | SYER PEKERJA | JUMLAH CARUMAN | |
| 1 | Gaji hingga RM30 | 40 sen | 10 sen | 50 sen | 30 sen |
| 2 | Apabila gaji melebihi RM30 tetapi tidak melebihi RM50 | 70 sen | 20 sen | 90 sen | 50 sen |
| 3 | Apabila gaji melebihi RM50 tetapi tidak melebihi RM70 | RM1.10 | 30 sen | RM1.40 | 80 sen |
| 4 | Apabila gaji melebihi RM70 tetapi tidak melebihi RM100 | RM1.50 | 40 sen | RM1.90 | RM1.10 |
| 5 | Apabila gaji melebihi RM100 tetapi tidak melebihi RM140 | RM2.10 | 60 sen | RM2.70 | RM1.50 |
| 6 | Apabila gaji melebihi RM140 tetapi tidak melebihi RM200 | RM2.95 | 85 sen | RM3.80 | RM2.10 |
| 7 | Apabila gaji melebihi RM200 tetapi tidak melebihi RM300 | RM4.35 | RM1.25 | RM5.60 | RM3.10 |
| 8 | Apabila gaji melebihi RM300 tetapi tidak melebihi RM400 | RM6.15 | RM1.75 | RM7.90 | RM4.40 |
| 9 | Apabila gaji melebihi RM400 tetapi tidak melebihi RM500 | RM7.85 | RM2.25 | RM10.10 | RM5.60 |
| 10 | Apabila gaji melebihi RM500 tetapi tidak melebihi RM600 | RM9.65 | RM2.75 | RM12.40 | RM6.90 |
| 11 | Apabila gaji melebihi RM600 tetapi tidak melebihi RM700 | RM11.35 | RM3.25 | RM14.60 | RM8.10 |
| 12 | Apabila gaji melebihi RM700 tetapi tidak melebihi RM800 | RM13.15 | RM3.75 | RM16.90 | RM9.40 |
| 13 | Apabila gaji melebihi RM800 tetapi tidak melebihi RM900 | RM14.85 | RM4.25 | RM19.10 | RM10.60 |
| 14 | Apabila gaji melebihi RM900 tetapi tidak melebihi RM1,000 | RM16.65 | RM4.75 | RM21.40 | RM11.90 |
| 15 | Apabila gaji melebihi RM1,000 tetapi tidak melebihi RM1,100 | RM18.35 | RM5.25 | RM23.60 | RM13.10 |
| 16 | Apabila gaji melebihi RM1,100 tetapi tidak melebihi RM1,200 | RM20.15 | RM5.75 | RM25.90 | RM14.40 |
| 17 | Apabila gaji melebihi RM1,200 tetapi tidak melebihi RM1,300 | RM21.85 | RM6.25 | RM28.10 | RM15.60 |
| 18 | Apabila gaji melebihi RM1,300 tetapi tidak melebihi RM1,400 | RM23.65 | RM6.75 | RM30.40 | RM16.90 |
| 19 | Apabila gaji melebihi RM1,400 tetapi tidak melebihi RM1,500 | RM25.35 | RM7.25 | RM32.60 | RM18.10 |
| 20 | Apabila gaji melebihi RM1,500 tetapi tidak melebihi RM1,600 | RM27.15 | RM7.75 | RM34.90 | RM19.40 |
| 21 | Apabila gaji melebihi RM1,600 tetapi tidak melebihi RM1,700 | RM28.85 | RM8.25 | RM37.10 | RM20.60 |
| 22 | Apabila gaji melebihi RM1,700 tetapi tidak melebihi RM1,800 | RM30.65 | RM8.75 | RM39.40 | RM21.90 |
| 23 | Apabila gaji melebihi RM1,800 tetapi tidak melebihi RM1,900 | RM32.35 | RM9.25 | RM41.60 | RM23.10 |
| 24 | Apabila gaji melebihi RM1,900 tetapi tidak melebihi RM2,000 | RM34.15 | RM9.75 | RM43.90 | RM24.40 |
| 25 | Apabila gaji melebihi RM2,000 tetapi tidak melebihi RM2,100 | RM35.85 | RM10.25 | RM46.10 | RM25.60 |
| 26 | Apabila gaji melebihi RM2,100 tetapi tidak melebihi RM2,200 | RM37.65 | RM10.75 | RM48.40 | RM26.90 |
| 27 | Apabila gaji melebihi RM2,200 tetapi tidak melebihi RM2,300 | RM39.35 | RM11.25 | RM50.60 | RM28.10 |
| 28 | Apabila gaji melebihi RM2,300 tetapi tidak melebihi RM2,400 | RM41.15 | RM11.75 | RM52.90 | RM29.40 |
| 29 | Apabila gaji melebihi RM2,400 tetapi tidak melebihi RM2,500 | RM42.85 | RM12.25 | RM55.10 | RM30.60 |
| 30 | Apabila gaji melebihi RM2,500 tetapi tidak melebihi RM2,600 | RM44.65 | RM12.75 | RM57.40 | RM31.90 |
| 31 | Apabila gaji melebihi RM2,600 tetapi tidak melebihi RM2,700 | RM46.35 | RM13.25 | RM59.60 | RM33.10 |
| 32 | Apabila gaji melebihi RM2,700 tetapi tidak melebihi RM2,800 | RM48.15 | RM13.75 | RM61.90 | RM34.40 |
| 33 | Apabila gaji melebihi RM2,800 tetapi tidak melebihi RM2,900 | RM49.85 | RM14.25 | RM64.10 | RM35.60 |
| 34 | Apabila gaji melebihi RM2,900 tetapi tidak melebihi RM3,000 | RM51.65 | RM14.75 | RM66.40 | RM36.90 |
| 35 | Apabila gaji melebihi RM3,000 tetapi tidak melebihi RM3,100 | RM53.35 | RM15.25 | RM68.60 | RM38.10 |
| 36 | Apabila gaji melebihi RM3,100 tetapi tidak melebihi RM3,200 | RM55.15 | RM15.75 | RM70.90 | RM39.40 |
| 37 | Apabila gaji melebihi RM3,200 tetapi tidak melebihi RM3,300 | RM56.85 | RM16.25 | RM73.10 | RM40.60 |
| 38 | Apabila gaji melebihi RM3,300 tetapi tidak melebihi RM3,400 | RM58.65 | RM16.75 | RM75.40 | RM41.90 |
| 39 | Apabila gaji melebihi RM3,400 tetapi tidak melebihi RM3,500 | RM60.35 | RM17.25 | RM77.60 | RM43.10 |
| 40 | Apabila gaji melebihi RM3,500 tetapi tidak melebihi RM3,600 | RM62.15 | RM17.75 | RM79.90 | RM44.40 |
| 41 | Apabila gaji melebihi RM3,600 tetapi tidak melebihi RM3,700 | RM63.85 | RM18.25 | RM82.10 | RM45.60 |
| 42 | Apabila gaji melebihi RM3,700 tetapi tidak melebihi RM3,800 | RM65.65 | RM18.75 | RM84.40 | RM46.90 |
| 43 | Apabila gaji melebihi RM3,800 tetapi tidak melebihi RM3,900 | RM67.35 | RM19.25 | RM86.60 | RM48.10 |
| 44 | Apabila gaji melebihi RM3,900 tetapi tidak melebihi RM4,000 | RM69.05 | RM19.75 | RM88.80 | RM49.40 |
| 45 | Apabila gaji melebihi RM4,000 | RM69.05 | RM19.75 | RM88.80 | RM49.40 |